

## **KALIMAH ALLAH : BUKAN BERMAKNA ‘GOD’ SEMATA-MATA**

Umum mengetahui, sensitiviti umat Islam amat tersentuh apabila kalimah Allah seakan dipermainkan. Kalimah Allah yang termaktub berulang kali di dalam al-Qur’an dan al-Sunnah itu sesuatu yang tidak pernah dipertikaikan oleh umat Islam. Ia digelar sebagai *ism al-zat* iaitu kata nama yang melambangkan secara langsung zat Allah SWT yang Maha Agung.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah mengatakan bahawa nama Allah itu bersifat menyeluruh. Oleh itu dengan nama tersebut disandarkan seluruh nama-nama-Nya (al-Asma’ al-Husna) yang lain. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-A’raf ayat 180: “Dan bagi Allah, nama-nama yang Maha Baik”.

Bagaimanapun, tidak dinafikan sesetengah agama juga mendakwa kalimah Allah sebagai panggilan kepada nama tuhan mereka. Hal ini bukanlah sesuatu yang baru dan mengejutkan di dalam agama Islam. Malah al-Qur’an sendiri pernah merakamkan konflik ini sebagai iktibar dan pengajaran buat umat Islam dan bukan Islam.

Sebagai contoh, ketika surah al-Ikhlâs diturunkan, ia membicarakan soal konflik tentang siapakah sebenarnya Allah yang dituturkan oleh agama-agama lain itu. Adakah ia tepat dan benar dengan konsep “Allah” sebagaimana yang digelar dan dipanggil oleh mereka? Imam Ibn Kathir menukikkan kata-kata ‘Ikrimah tentang perihal turunnya ayat ini.

Berkata ‘Ikrimah: “Ketika orang Yahudi mengatakan: Kami menyembah ‘Uzair anak Allah. Orang Nasrani mengatakan: Kami menyembah al-Masih anak Allah. Majusi pula mengatakan: Kami menyembah matahari dan bulan. Orang musyrikin pula mengatakan: Kami menyembah berhala. Lalu Allah SWT menurunkan ke atas Rasulullah SAW surah al-Ikhlâs yang bermaksud: Katakanlah wahai Muhammad bahawa Allah itu Esa, Allah itu tempat bergantung segala makhluk-Nya, Allah itu tidak beranak dan tidak diperanakkan dan Allah itu tiada bagi-Nya sekutu”.

Tidak mengira apa jua agama, sekiranya mereka tidak mengerti dan mengenal siapa itu Allah? Apakah makna sebenar di sebalik nama itu? Jika itu semua tidak diketahui dan dimengerti, maka mereka sekali-kali tidak layak untuk menggunakan kalimah Allah.

Bagi membincangkan lebih lanjut isu ini, penulis bantangkan di sini hujah-hujah yang menjelaskan apakah sebenarnya hakikat kalimah Allah SWT menurut pemikiran dan aqidah Islam. Apakah signifikannya Allah SWT menjadikan kalimah tersebut sebagai merujuk kepada zat-Nya Yang Maha Agung?

Kalimah Allah menurut satu pendapat yang lemah ialah kata nama yang kaku (*jamid*). Iaitu bukan berbentuk kata terbitan yang berasal daripada kata dasar tertentu. Ini kerana sesuatu kata terbitan mesti mempunyai akar perkataannya yang tertentu. Sedangkan nama Allah SWT itu bersifat sediakala (*qadim*). *Qadim* pula ialah sesuatu yang tidak mempunyai unsur asas atau asal. Ia menyerupai kesemua kata-kata nama khas yang tidak mempunyai asal tertentu serta tidak mempunyai sebarang maksud di sebalik penamaannya.

Bagaimanapun pendapat yang benar, kata nama Allah itu ialah kata terbitan yang mempunyai kata dasar tertentu. Namun para ulama berbeza pandangan tentang asal kalimah Allah tersebut. Pendapat yang tepat ia berasal daripada kalimah *alaha-ya'lahu-ulahatan-ilahatan-ilahiyyatan* (أله-يالله-ألوهة-إلاهة-ألوهية). Ia membawa maksud 'abada-ibadatan (عبد-عبادة) iaitu menyembah dan penyembahan. Daripada timbangan (*wazan*) ini lahirnya kalimah *ilah* (إله) yang bermaksud *ma'luh* (مألوه) iaitu "yang disembah" (*ma'bud*).

Berasaskan pendapat ini, Ibn 'Abbas r.a. pernah berkata: "Allah yang memiliki (sifat) ketuhanan (*al-ilahiyyah*) dan kehambaan (*al-'ubdiyyah*) ke atas seluruh makhluk-Nya".

Di kalangan ahli nahu Arab termasyhur juga berpandangan sedemikian. Misalnya al-Kisa'i dan al-Farra' mengatakan kalimah Allah itu berasal daripada kata *al-ilah*. Kemudian mereka membuang huruf *hamzah* dan menggabungkan (*idgham*) huruf *lam* yang pertama ke dalam huruf *lam* yang kedua. Kemudian terbentuk satu *lam* yang disabdikan (*tasydid*) dan dibaca dengan tebal dan berat.

Ibn Qayyim al-Jauziyyah pula berkata: "Yang benar, kalimah Allah ialah kata yang mempunyai asal, di mana asal katanya ialah *al-ilah*. Ini sebagaimana pendapat ahli bahasa terkenal *Sibawaih* dan majoriti sahabatnya kecuali beberapa orang yang berpendapat meragukan (tanpa sebarang asas). Lafaz Allah mencakup seluruh makna al-Asma' al-Husna dan sifat-sifat-Nya yang Maha Tinggi.

Orang yang mengatakan bahawa ia adalah kata terbitan, mereka mahu menunjukkan kalimah Allah itu mengandungi makna sifat bagi Allah SWT. Iaitu *al-ilahiyyah* (ketuhanan) sebagaimana al-Asma' al-Husna yang lainnya seperti *al-Basir* (Maha Melihat), *al-Sami'* (Maha Mendengar), *al-Qadir* (Maha Berkuasa), *al-'Alim* (Maha Mengetahui) dan sebagainya.

Tidak diragukan lagi bahawa nama-nama ini merupakan terbitan daripada kata dasarnya sedangkan nama-nama tersebut kekal bersifat *qadim*. Maksud nama-nama tersebut ialah kata terbitan, iaitu dari segi lafaz dan maknanya yang bertemu dengan kata-kata dasarnya. Bukan bererti nama atau sifat itu lahir seumpama lahirnya cabang daripada asal. Penamaan ahli nahu terhadap kata dasar dan kata terbitan itu dengan asal dan cabang bukan bermaksud salah satu daripada keduanya lahir daripada yang lain, tetapi ia memberi makna salah satu daripada keduanya mengandungi yang lain malah terdapat penambahan".

Abu Ja'far ibn Jarir pula mengatakan: "Lafaz Allah itu berasal daripada kata *al-ilah*. Kemudian hamzahnya yang merupakan *fa' al-ism* (iaitu sebutan dalam ilmu *saraf* bagi *hamzah* yang ada pada kata *ilah*, kerana *wazan* atau timbangan kata *ilah* adalah *fi'alun*) digugurkan atau dibuang. Kemudian huruf *lam* yang merupakan 'ain *al-ism* bertemu dengan *lam* tambahan yang barisnya mati, lalu masing-masing digabungkan kepada yang lain.

Maka kedua-duanya menjadi satu *lam* yang disabdikan. Manakala takwilan (tafsiran) kalimah Allah pula ianya berasaskan apa yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas r.a. bahawa "Dia lah (Allah) yang mempertuhankan-Nya segala sesuatu (*ya'lahuhu kullu syai'in*), dan yang disembahi oleh seluruh makhluk (*ya'buduhu kullu khalqin*)".

Diriwayatkan juga sebuah hadith daripada Abu Sa'id secara *marfu'*: "Bahawa Isa diserahkan oleh ibunya kepada seorang pengajar agar dapat mengajarnya menulis. Lalu si pengajar berkata kepadanya: Tulislah dengan nama Allah. Isa berkata: Tahukah kamu siapa itu Allah? Allah ialah Tuhan bagi segala yang dipertuhankan".

Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam menerangkan keistimewaan nama Allah menyebut: "Nama yang mulia ini memiliki sepuluh karakteristik lafaz...tentang karateristik maknawinya, makhluk Allah yang paling berilmu, iaitu Rasulullah SAW bersabda: Aku tidak dapat memuji Engkau sepenuh dan sesempurna yang semestinya. Engkau sebagaimana Engkau memuji diri-Mu (selesai sabda).

Ibn Qayyim kemudiannya menjelaskan lagi bahawa penamaan Allah itu menunjukkan bahawa Dia (Allah) adalah sebagai Yang dipertuhankan dan disembah. Dipertuhankan oleh semua makhluk dengan penuh kecintaan, pengagungan, ketundukan dan berlindung kepada-Nya dalam semua hajat dan musibah yang menimpa.

Inilah sebenarnya maksud di sebalik kalimah Allah SWT. Ia bukanlah satu kalimah yang sekadar menjadi sebutan atau seruan atau panggilan bagi tuhan semata-mata. Sebaliknya ia merupakan nama yang melambangkan aqidah atau agama bagi orang yang menggunakannya. Oleh itu penggunaannya amat wajar dipantau dan dipelihara oleh kerajaan demi memastikan tiada sesiapa yang terkeliru dengan nama Yang Maha Agung itu.

Oleh itu keputusan kerajaan untuk mengekalkan larangan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan bukan Islam, sebagaimana yang telah diputuskan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Oktober dan 1 November 2006 adalah amat bertepatan dan tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Malah penggunaan kalimah Allah, Baitullah, Solat dan Kaabah telah pun diwartakan hanya eksklusif buat umat Islam sahaja di bawah Warta PU (A) 15/82 dan pekeliling KKDN. S.59/3/6/A bertarikh 5 Disember 1986.

Sumber,  
Caw. Aqidah  
Bah. Penyelidikan JAKIM